



**PEKELILING BENDAHARI BIL 14/2013**

Kepada Semua Pelajar UKM

Saudara/i,

**KAEDAH TERBARU PEMBAYARAN YURAN MELALUI PERBANKAN TELEFON MUDAH ALIH**

Merujuk kepada perkara diatas sukacita dimaklumkan bahawa pihak universiti dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad dan CIMB Bank Berhad akan memperkenalkan kaedah baru pembayaran yuran iaitu secara Perbankan Telefon Mudah Alih (Mobile Phone Banking).

2. Pelajar yang memegang akaun CIMB akan menggunakan perkhidmatan yang dikenali sebagai CIMB Mymobile manakala BIMB pula dikenali sebagai i-TAP. Sila layari alamat laman web <http://www.cimbclicks.com.my/mobile-banking.html> untuk pendaftaran dan panduan penggunaan MyMobile dan sila layari <http://www.youtube.com/watch?v=LaWw7PN5qhw> untuk panduan penggunaan i-TAP Bank Islam. Adalah diingatkan kepada para pelajar bahawa transaksi melalui Perbankan secara Mobile, Internet dan kaedah bayaran melalui bank yang lain memerlukan tiga hari bekerja untuk mengemaskini akaun pelajar. Ini adalah kerana pihak bank perlu memproses dan menghantar data transaksi berkenaan ke universiti untuk dikemaskini.

Dengan adanya kemudahan baru ini pihak universiti berharap supaya yuran yang dikenakan kepada pelajar dapat dibayar dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut:-

Kategori Pelajar		Tarikh Bayaran
1.	Pelajar Baru	Pra-siswazah – sebelum pendaftaran Pasca-siswazah – sebelum pendaftaran
2.	Pelajar Senior Pra-Siswazah	Selewat-lewatnya 1 bulan selepas pendaftaran.
3.	Pelajar Senior Pascasiswazah	Selewat-lewatnya 3 hari sebelum pendaftaran supaya pendaftaran boleh dibuat melalui online.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Semoga dengan adanya penambahan kaedah bayaran yuran ini akan memberi pelbagai alternatif kepada pelajar mengikut kesesuaian masing-masing dalam melaksanakan bayaran yuran.

Sekian Terima Kasih

Yang Benar

  
**MOHD ABD RASHID BIN MOHD FADZIL**  
Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
  - Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
  - Semua Dekan/Pengarah/Ketua
  - Pendaftar
  - Ketua Pustakawan
  - Pengetua-Pengetua Kolej
  - Presiden PMUKM